

Dua MTBS bebas mentadbir

PUTRAJAYA: Dua sekolah perniagaan di universiti tempatan yang terpilih sebagai Sekolah Perniagaan Terulung Malaysia (MTBS), diberi kebebasan mengendalikan pentadbiran masing-masing mengikut acuan sendiri bagi melahirkan graduan yang relevan dengan industri.

Sekolah perniagaan berkeajaan adalah Sekolah Pengurusan Siswazah, Universiti Putra Malaysia (GSM-UPM) dan Sekolah Perniagaan Siswazah, Universiti Kebangsaan Malaysia (GSB-UKM).

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled

Nordin, berkata sistem pentadbiran MTBS berbeza dengan pentadbiran universiti sedia ada, di mana lembaga pengarah pengurusan terdiri daripada pegawai dari kementerian, universiti lain dan ahli yang diundi.

“Bagi memastikan visi kami untuk menjadikan sekolah perniagaan yang terkenal di peringkat dunia, kedua-dua sekolah terbabit bukan saja diberi kebebasan sepenuhnya untuk menguruskan pentadbiran sendiri, tetapi kita turut membenarkan sekolah berkenaan menentukan hala tuju sendiri ke arah mencapai

pengiktirafan antarabangsa.

“Ia bagi memastikan pelaksanaan keputusan pengurusan berkaitan MTBS dilakukan dengan lebih cepat dan diberi tumpuan sepenuhnya.

“Menerusi kebebasan ini, setiap MTBS mempunyai kemampuan merancang pelan yang konstruktif dalam usaha mencapai matlamatnya sebagai pusat kecemerlangan antarabangsa dalam bidang perniagaan dan pengurusan,” katanya pada sidang media selepas melancarkan MTBS dan Kolokium Perniagaan Pasca Siswazah Antarabangsa Kelima, di sini, semalam.

HAKIAN METRO 3/2/08